



**KEMENTERIAN PERTANIAN
DAN INDUSTRI MAKANAN**



**– TEKS UCAPAN PERASMIAN –
YB. DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH,
TIMBALAN MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN I**

**– SEMPENA –
MAJLIS PERASMIAN PROGRAM BISNES MENJADI
'MEMPELBAGAI PENDAPATAN USAHAWAN'**

**– TARIKH –
24 OKTOBER 2021 (AHAD)**

**– TEMPAT –
IBU PEJABAT MADA, AMPANG JAJAR**

– SOLUTASI –

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Yang Berhormat Tuan Azman Bin Nasrudin,
Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah.

Yang Berhormat Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman,
Pengerusi MADA.

Yang Berusaha Tuan Haji Kamarudin Bin Dahuli,
Pengurus Besar MADA.

**Ketua-Ketua Jabatan Agensi Kementerian Pertanian dan Industri
Makanan (MAFI).**

Timbalan – Timbalan Pengurus Besar MADA,

Pengarah – Pengarah Bahagian,

Pengurus – Pengurus Wilayah,

**Seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dirahmati Allah
sekalian.**

Salam Keluarga Malaysia – Bekerja Bersama Rakyat; dan

Salam Kedah Sejahtera ‘Nikmat Untuk Semua’.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

ALU-ALUAN

1. **Alhamdulillah, syukur kita kehadiran Allah SWT** kerana dengan izin-Nya, dapat kita sama-sama berkumpul pada pagi ini di Ibu Pejabat MADA.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan **penghargaan dan terima kasih kepada Yang Berhormat Ahmad Tarmizi Bin Sulaiman, Pengerusi MADA** yang sudi menjemput saya ke majlis ini.
3. Saya juga ingin merakamkan **rasa sukacita dan berbesar hati khususnya kepada Yang Berhormat Tuan Azman Bin Nasrudin, Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri Lunas** kerana sudi hadir bersama.

PROGRAM REZEKI TANI 'BISNES MENJADI' TAHUN 2021

Hadirin yang saya kasihi sekalian,

4. Program Rezeki Tani adalah merupakan sebuah **program pembasmian kemiskinan dan peningkatan pendapatan**, yang dijenamakan semula daripada Program AZAM Tani, di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).
5. Pelaksanaan Program Rezeki Tani ini telah **dipertanggungjawabkan kepada tiga Jabatan dan tujuh Agensi di bawah Kementerian.**

6. Program ini dilaksanakan untuk **membantu meningkatkan pendapatan peserta**, melalui **pemberian bantuan projek ekonomi yang melibatkan aktiviti pengeluaran, pemprosesan, pengedaran dan pemasaran berkaitan pertanian, penternakan dan perikanan.**
7. Selain itu, ianya dapat **mempertingkatkan pengetahuan, kemahiran serta daya saing peserta melalui latihan pembangunan modal insan dan latihan teknikal.** Disamping itu juga, **objektif utama program Rezeki Tani ini adalah untuk membantu mengeluarkan peserta-peserta dari belunggu kemiskinan.**
8. Bantuan ini pada dasarnya **diberikan secara *in-kind* dan latihan mengikut keperluan projek peserta dengan nilai maksimum berjumlah RM10,000.** Para peserta perlu untuk menjalankan projek-projek ekonomi yang dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh yang pendek, iaitu di antara tiga sehingga enam bulan pelaksanaannya merangkumi :
 - i. **Pertanian bagi tanaman singkat masa,**
 - ii. **Penternakan bagi penambahan input projek sedia ada,**
 - iii. **Perikanan bagi penambahan input projek sedia ada,**
 - iv. **Pemasaran hasil pertanian, penternakan dan perikanan,**
 - v. **Pemprosesan dan pemasaran produk makanan dan bukan makanan berasaskan pertanian termasuk jualan makanan dan minuman.**

9. **MADA telah melaksanakan pelbagai program-program pembangunan bagi mempelbagaikan pendapatan usahawan dalam Kawasan Muda melalui Peruntukan Rancangan Malaysia (RMK).**
10. Program-program ini bertujuan **meningkatkan kesejahteraan hidup sebilangan besar penduduk dalam Kawasan Muda selari dengan misi dan misi MADA** itu sendiri.
11. Antara program yang sedang dilaksanakan adalah **Projek Rezeki Tani, Projek Tanaman Kontan B40 dan Projek Pemerkasaan Ekonomi Golongan B40 Usahawan Agro.**
12. Bagi menjayakan Program Rezeki Tani di bawah RMK-12, **sebanyak RM10 juta telah diperuntukan untuk jangka tempoh lima tahun di mana sebanyak RM2 juta diperuntukan bagi skop Pembasmian Kemiskinan dan Peningkatan Pendapatan Melalui Aktiviti Pertanian, Pembangunan Modal Insan serta Aktiviti Hebahan Program.**
13. Sehingga tahun 2021, program ini telah memberi **manfaat kepada 1,652 orang peserta dengan peruntukan sebanyak RM9.96 juta.** Melalui program ini juga, pihak **MADA telah berjaya meningkatkan pendapatan seramai 1,134 orang peserta-peserta yang dijana melalui sistem e-Kasih.**

14. Program ini merupakan **program lanjutan kepada peserta** dalam usaha **melahirkan usahawan berjaya yang boleh menjadi contoh kepada peserta Program Rezeki Tani**, untuk terus berusaha memajukan diri, meningkatkan ekonomi dan taraf hidup keluarga.

PROJEK TANAMAN KONTAN B40

Hadirin yang saya hormati sekalian,

15. **Projek Tanaman Kontan B40 telah bermula pada tahun 2020 sehingga 2022**, di mana ia merupakan program di bawah **Bahagian Industri Tanaman, Ternakan dan Perikanan di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Makanan (MAFI)**.
16. **Peruntukan bagi menjayakan program Tanaman Kontan B40 di MADA adalah sebanyak RM3.3 juta yang juga melibatkan insentif *in-kind* yang diberikan kepada peserta** dalam bentuk **input pertanian, tenaga kerja, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elemen pemasaran hasil pertanian**.
17. Projek Tanaman Kontan B40 ini dapat **meningkatkan hasil pengeluaran tanaman kontan terpilih antaranya cili dan halia** di dalam Kawasan MADA. Selain itu, ia dapat **mengenal pasti peserta-peserta yang berpotensi untuk dinaikkan ke tahap yang lebih tinggi**. Disamping itu, ia boleh **menambah pendapatan sampingan kepada kumpulan sasaran** berdasarkan jenis tanaman kontan dengan **julat pendapatan tambahan adalah antara RM500 – RM2,000 sebulan**.

18. Melalui program ini, pihak **MADA telah berjaya melahirkan 232 orang usahawan baru dengan peruntukan sebanyak RM2.4 juta dalam projek fertigasi cili dan halia.** Kebanyakan usahawan baru mula bertanam dan usaha sedang dilaksanakan bagi memastikan usahawan dapat meningkatkan pendapatan selari dengan objektif program.

PROJEK PEMERKASAAAN EKONOMI GOLONGAN B40 USAHAWAN AGRO

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

19. Dalam **Rancangan Malaysia Ke-12 bagi tahun 2021 dan 2025,** projek-projek seperti ini terus dimajukan bagi menambah pendapatan peladang melalui **Projek Pemerkasaan Ekonomi Golongan B40 Usahawan Agro.**
20. Projek ini dapat memberi tumpuan kepada **peningkatan pengeluaran makanan segar dalam industri tanaman ternakan dan perikanan,** selain memberi tumpuan terhadap peningkatan pendapatan usahawan dalam golongan B40 di MADA.
21. Antara projek tersebut adalah projek tanaman seperti **tanaman secara fertigasi, tanaman sayuran, tanaman kontan dan tanaman mempelam.** Disamping itu, **program ini turut melaksanakan projek ternakan lembu, kambing dan itik penelur serta projek akuakultur.**

22. Program ini melibatkan **peningkatan taraf hidup usahawan – usahawan seramai 25 orang pada tahun 2021 dan 50 orang berakhir tahun 2022**, di mana **keterlibatan penyertaan dari usahawan di bawah 27 Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA**.
23. **Peruntukan bagi menjayakan program Pemerkasaan Ekonomi pula adalah sebanyak RM500,000** juga melibatkan **insentif *in-kind*** yang diberikan kepada peserta dalam bentuk **input pertanian, tenaga kerja, latihan dan khidmat nasihat teknikal serta elemen pemasaran hasil pertanian dalam industri tanaman, ternakan dan perikanan**.

PENUTUP

24. Sebagai mengakhiri ucapan ini, **saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada seluruh peserta – peserta kerana dapat melapangkan waktu untuk menyertai Program Bisnes Menjadi 2.0 dengan slogan ‘Mempelbagaikan Pendapatan Usahawan’**, sekaligus **mencapai objektif program iaitu membantu meningkatkan pendapatan peserta melalui projek – projek ekonomi**.
25. Terima kasih juga saya ucapkan kepada pihak MADA kerana menyelaras program pada hari ini serta kepada semua Jabatan/Agensi dan pihak yang terlibat sama ada secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan program yang sungguh bermakna ini.

26. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, **saya dengan ini merasmikan Program Bisnes Menjadi 2.0 MADA Tahun 2021.**
27. Sekian Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalammuallaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

*Disediakan oleh :-
Cawangan komunikasi Korporat
Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)
21 Oktober 2021*